

Cadang lebar, dalamkan parit

Penduduk mengadu limpahan air jejas rutin harian, hasil tanaman rosak



Antara parit yang perlu dilebar dan didalamkan bagi mengelakkan limpahan air ketika musim hujan.

KAMPUNG BAHARU - Penduduk Kampung Baharu di sini, mencadangkan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) melebar serta mendalamkan sistem saliran di kawasan berkenaan bagi mengelakkan kejadian banjir.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Baharu, Awaludin Palidin berkata, tindakan itu perlu memandangkan sistem saliran di situ yang kecil dan sebu menyebabkan banyak kawasan rumah penduduk dan kebun berhampiran dinaiki air terutama ketika musim hujan.

"Air membanjiri kawasan rumah sehingga menyusahkan penduduk menjalani rutin harian selain kawasan kebun dinaiki air yang boleh menyebabkan ha-

sil tanaman rosak.

"Ia perlu diberikan perhatian segera bagi mengelakkan masalah ini berterusan," katanya.

Menurutnya, keadaan sistem saliran itu menyebabkan aliran air terganggu dan keadaan bertambah buruk ketika musim hujan apabila air yang banyak tidak dapat mengalir dengan baik menyebabkan berlaku limpahan.

Katanya, parit berkenaan juga menjadi saliran air dari Kampung Tebuk Berihun dan Kampung Tengah sebelum dibawa ke kunci air.

"Jika hujan air cepat melimpah namun lambat surut kerana aliran air terlalu perlahan disebabkan parit yang sempit dan sebu.

"Oleh itu kita menggesa JPS mengambil tindakan sekali gus

menaik taraf saliran terbabit bagi mengelakkan limpahan dan banjir yang sememangnya menyusahkan penduduk," katanya.

Beliau berkata, masalah sistem saliran itu turut diburukkan lagi dengan tindakan sesetengah individu yang mengambil jalan mudah membersihkan kebun.

"Ada individu tidak peka membuang batang pisang dalam parit menyebabkan masalah aliran air bertambah serius.

"Kita kerap menerima aduan kawasan rumah dan kebun kerap dinaiki air apabila hujan disebabkan faktor yang sama," katanya.

Sementara itu, *Sinar Harian* cuba mendapatkan maklum balas dari JPS berhubung cadangan tersebut namun gagal.